

PENGUNAAN PUSAT SUMBER SEKOLAH DAN PERPUSTAKAAN (PSS) : FAKTOR, KESAN SERTA MASALAH

*Robiah Yaakob, Noraffandy bin Yahaya
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia,
81300 Skudai, Johor Bahru*

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam pengajaran dan pembelajaran .PSS merupakan tempat simpan dan terhimpunnya bahan bantu mengajar (BBM) yang membolehkan guru-guru dan pelajar-pelajar menggunakannya apabila di perlukan untuk proses P&P. PSS juga merupakan tempat mencari maklumat tambahan bagi sukatan pelajaran,serta memudahkan pelajar membuat tugas yang diberikan oleh guru .Diantara faktor penggunaan PSS adalah peranan yang dimainkan oleh guru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran,minat membaca seseorang,tahap pendidikan seseorang dan aktiviti PSS itu sendiri.Manakala kesan daripada penggunaan PSS melalui kemahiran mengesan maklumat dapat menyelesaikan pelbagai masalah pembelajaran serta membudayakan ilmu sepanjang hayat.Dibincangkan juga masalah penggunaan PSS dalam P & P dan dikemukakan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah tersebut.Rumusan yang dapat dibuat semoga PSS dapat membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar serta membantu meningkatkan profesionalisme guru-guru dalam P & P.

1.0 Pendahuluan

Perkembangan sains, teknologi dan informasi yang begitu cepat dan drastik sejak akhir-akhir ini,memberi impak yang besar kepada dunia pendidikan khususnya untuk beriringan sejajar dengan kecanggihan teknologi bagi menghadapi cabaran-cabaran alaf baru abad ke 21.Bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara yang mengarah kepada pembentukan insan yang seimbang dari aspek jasmani,emosi,rohani dan intelek (JERI),kaedah pendidikan perlu berubah dengan keperluan semasa.Sehubungan itu,guru-guru pada hari ini perlu melengkap diri mereka dengan “*keilmuan mutakhir dan minda yang progresif bertepatan dengan keperluan era informasi*” (Wan Liz 2000:169).Tuntutan profesionalisma perguruan hari ini memerlukan guru-guru mempunyai literasi elektronik (Warschauer,1999) Mengikut Caikins dan McGhan (1972) peranan para pendidik pada hari ini bukan lagi penyampai maklumat tetapi sebagai pemudahcara. Ini kerana sistem pendidikan masa kini menekankan ‘proses’ dan ‘produk’.Para pendidik berupaya mengembangkan potensi individu para pelajar dibawah bimbingannya.Sejajar dengan itu guru-guru digalakkan mempelajari bagaimana untuk mengajar dengan menggunakan peralatan dan kemudahan teknologi serta mempelajari kemahiran-kemahiran dan pendekatan-pendekatan baru (Tapscott,2003 ;Pachler,2001).Maksudnya,bagi tujuan membawa impak yang positif kepada pengajaran dan pembelajaran ,guru-guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengguna dan mengintegrasikan peralatan dan kemudahan ICT (Davis,2001) serta berasa selesa dan yakin menggunakan teknologi tersebut (Roop,1999;Norhayati 1995).Diantara kemahiran –kemahiran yang perlu setiap guru mempelajari serta mahir menggunakannya adalah kemahiran menggunakan Pusat Sumber Sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran.Pusat Sumber Sekolah merupakan komponen yang amat

penting dalam perancangan jangka panjang program pendidikan, literasi, penyediaan maklumat dan kebudayaan Negara (Isnazhana dan rakan, 2006).

Dalam hal ini, Jerry (1970) menyatakan pusat sumber sekolah (PSS) harus diinterpretasikan dengan lebih meluas, yang mana keseluruhan aspek rancangan pengajaran dan pembelajaran dapat diperkayakan dengan adanya penglibatan yang aktif oleh guru-guru dan pelajar-pelajar. Menurut Anuar (2000) Pusat Sumber Sekolah (PSS) amat diperlukan bagi menampung perbezaan di kalangan pelajar dari segi cara belajar, minat kecenderungan dan kebolehan. Davies (1979) menganggap Pusat Sumber Sekolah (PSS) sebagai 'tenaga ke arah kecemerlangan pendidikan'. Ini kerana PSS dapat memainkan peranan dan fungsi sebagai penyebar ilmu pengetahuan, menyemai minat membaca dan menyediakan pelbagai bahan dan media selari dengan tuntutan perkembangan teknologi maklumat. Oleh itu, kecekapan guru amat diperlukan dalam mengendalikan penggunaan PSS.

2.0 Definisi Istilah

2.1 Penggunaan PSS

Penggunaan PSS ditakrifkan sebagai penggunaan oleh pelajar dan guru sesuatu jenis alat, bahan, perkhidmatan atau ruang di PSS. Menurut Tenku Iskandar (1986) penggunaan bermaksud perihal menggunakan sesuatu. Manakala, Rabiah Halidi (1988) merumuskan penggunaan PSS sebagai proses mencari, membaca dan membuat rujukan bagi memperoleh maklumat untuk tujuan pembelajaran atau pengetahuan umum. Berdasarkan pendapat Soo Chou Har (1990) penggunaan PSS merujuk kepada penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PSS demi membantu dan memperkukuhkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mohd Ashri Hassan (1999) penggunaan ialah proses menggunakan sesuatu benda untuk suatu kajian. Manakala mengikut pendapat Abdul Wahid Sulaiman (1993) penggunaan bermaksud kemahiran menggunakan indeks dan abstraks, pendua abjad dan penggunaan bahan-bahan alat pandang dengar seperti projector, lut sinar, slaid, pita rakaman dan perisian serta perkakasan yang lain.

Dapatlah difahami, penggunaan PSS dilihat dari aspek kekerapan pelajar atau guru memasuki atau mengunjungi PSS dalam tempoh atau masa yang ditentukan oleh PSS. Penggunaan juga boleh dilihat dari segi bahan yang digunakan, jumlah bahan yang dipinjamkan serta aktiviti yang dijalankan ketika menggunakan atau pun berada di PSS.

2.2 Pusat sumber sekolah

Isnazhana et.al (2006) merupakan pusat penyimpanan dan memberi perkhidmatan mengenai pelbagai sumber pengajaran dan pembelajaran. Di dalamnya mengadungi bahan jenis buku, bahan cetak, bahan bukan buku, bahan grafik, bahan dengar dan alat-alat serta objek. Ia juga tempat menyimpan rekod bahan lain yang terdapat di sekolah, memberi perkhidmatan maklumat, dan mempunyai ruang dan alat untuk kakitangan sekolah dan murid-murid membuat bahan pengajaran dan pembelajaran. Rabiah Jawa (1999), PSS merupakan pusat pengumpulan maklumat yang menawarkan pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlatih dan diuruskan secara sistematik, di dalamnya terdapat pelbagai kemudahan fizikal yang disediakan untuk

pelbagai perkhidmatan serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ia dikendalikan oleh mempertimbangkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Abdul Rahim Selamat (1982); Integrasi antara perpustakaan buku dengan perkhidmatan pandang dengar, menjadi satu unit bersepadu. Bagi Wehmeyer (1984) satu persekitaran pendidikan dan bukan gantian kepada bilik darjah, juga bukan sebuah pusat untuk mendapatkan maklumat semata-mata, tetapi seharusnya menyediakan pengalaman-pengalaman yang estetik dan kreatif serta menyediakan keadaan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk murid mengembangkan tanggungjawab mereka sebagai individu dan ahli masyarakat.

Menurut Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz (1996) PSS ialah tempat pengumpulan dan penyebaran pelbagai maklumat. Ia dianggap sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran yang diurus secara sistematik dan terancang oleh kakitangan media yang terlatih untuk memberi pelbagai perkhidmatan bagi meningkatkan mutu pendidikan.

Kassim Abbas (1989) pula menyatakan pusat sumber sebagai suatu tempat yang mengumpul dan menyebarkan pelbagai maklumat dalam beberapa bilik atau sebuah bangunan khas yang diurus dan dikendalikan secara sistematik oleh kakitangan media yang terlatih. Yusuf (1985) mendefinisikan pusat sumber sebagai tempat terkumpulnya bahan cetak dan kemudian meliputi bahan bukan cetak yang telah diklasifikasi, diproses, dikatalog dan diatur susun ditempat-tempat tertentu untuk mudah diakses dan digunakan oleh pelajar, guru dan kakitangan sekolah.

Edsall (1984) pula menyatakan bahawa PSS adalah sebuah organisasi yang menyusun dan menyebarkan semua bahan pembelajaran dan pengajaran yang telah dikelaskan dan diindekskan untuk kegunaan pelajar. Di sini terdapat sumber-sumber hidup dan bukan hidup, bercetak dan bukan bercetak yang boleh digunakan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Ia juga meliputi pelbagai jenis kemudahan yang boleh meningkatkan mutu pendidikan.

Pusat Sumber didefinisikan satu tempat terkumpulnya pelbagai alat dan bahan media pendidikan yang dikelaskan, dikatalogkan dan disusun atur bagi memudahkan pengguna, dan tempat untuk warga sekolah berkumpul, berunding, memilih, merencana, menerbit dan menggunakan alat pengajaran dan pembelajaran demi meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran, serta ianya dikendalikan oleh kakitangan yang terlatih dengan tujuan dapat memberi perkhidmatan yang sewajarnya seperti membantu mengesan maklumat dan lain-lain atau pengajar pelbagai aktiviti yang menjurus kepada minat membaca seperti Program NILAM (Nadi Amalan Membaca) dan sebagainya. Tujuan utama penubuhan PSS untuk membantu meningkatkan dan meninggikan mutu pengajaran dan pembelajaran sekaligus mencapai kecemerlangan akademik

2.3 Pengajaran

Menurut Mohd Najib (2003), pengajaran ialah proses memberi pengalaman. Atan Long (1980), menyebut pengajaran sebagai proses membimbing murid-murid merangsang isi pelajaran yang diperuntukkan bagi pelajaran ini sehingga murid-murid mencapai objektif yang ditentukan. Manakala Sharifah Alwiah Alsagoff (1988) menyatakan pengajaran ialah proses bagi menghasilkan pembelajaran murid.

Rahim Selamat (1990), menyatakan pengajaran ialah satu rangkaian tindakan yang bertujuan untuk menghasilkan pembelajaran. Apa yang diajar ialah ilmu, kemahiran, nilai dan sikap. Robiah Sidin pula (1990), menyatakan pengajaran adalah usaha untuk membolehkan pembelajaran berlaku dalam diri orang lain. Ia merangkumi penyediaan rancangan dan penggunaan teknik, alat dan sumber-sumber tertentu.

Menurut Rabiah Jawa (1999), pengajaran dapat diertikan sebagai kegiatan yang ditujukan kepada pelajar. Kegiatan ini adalah bertujuan untuk membuat perubahan tertentu dalam tingkah laku pelajar yang ingin ditimbulkan oleh guru. Untuk mencapai tujuan ini, guru perlulah mempunyai pandangan yang jelas terhadap perubahan tertentu dalam tingkah laku pelajar yang ingin ditimbulkan oleh guru iaitu dari segi pengetahuan dan kefahaman yang guru mahu pelajar memperolehnya.

Abd. Rahman Md. Arof dan Zakaria Kasa (1994), menerangkan pengajaran sebagai satu aktiviti atau tindakan yang praktikal dilakukan secara sengaja dan disadari untuk membantu pembelajaran. Manakala Koh Boh Boon (1989), pula menyatakan pengajaran sebagai satu proses kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai situasi. Selain kualiti pengajar, proses ini mungkin juga dipengaruhi oleh kecerdasan, bakat dan minat pelajar serta pengaruh motivasi, persekitaran sekolah, rumah dan dorongan ibubapa terhadap pelajar itu.

Romisowaski, (1988) Pengajaran adalah proses yang berorientasikan maklumat yang dirancang terlebih dahulu. Heinich, Molenda, Russell, 1981 Pengajaran merupakan penyusunan dan pengumpulan maklumat untuk menghasilkan pembelajaran. Rumusannya, pengajaran merupakan satu proses perubahan tingkah laku individu hasil daripada pengalaman baru yang diperolehi secara formal yang telah dirancang dengan teliti.

2.4 Pembelajaran

Mohd. Najib (2003), pembelajaran ialah proses menerima pengalaman. Menurut Ab. Rahman Ab Rashid (1995), pembelajaran berkait rapat dengan pengetahuan, kemahiran dan juga keinginan seseorang. Pengetahuan dan keinginan seseorang itu selalu wujud hasil daripada pengalaman manakala kemahiran pula terbentuk kesan daripada latihan.

Tyler (1977), menyatakan pembelajaran ialah proses di mana pelajar membentuk cara pemikiran yang baru atau mengubahsuaikan pemikirannya dan mampu menunjukkan perubahan dalam tingkahlakunya. Menurut Abd. Rahman Md. Arof dan Zakaria Kasa (1994) konsep pembelajaran juga boleh ditakrifkan sebagai aktiviti yang membawa kepada perubahan akan tetapi perubahan itu bukanlah perubahan seperti yang lebih bersifat semula jadi dan tidak nyata matlamatnya. Proses pembelajaran mesti mempunyai sesuatu matlamat yang nyata iaitu ternyata sesuatu penguasaan yang telah dipelajari.

Crow (1983) pula menyatakan pembelajaran adalah satu proses yang cergas yang perlu dirangsangkan dan dibimbing untuk mencapai matlamat yang diinginkan. rangsangan luaran yang mendorong berlakunya pembelajaran termasuklah terutama sekali pengaruh guru melalui tugas yang dibuat.

Menurut Sharifah Alawiah (1988), perubahan dalam diri setelah mempelajari sesuatu dikatakan telah berlaku apabila seseorang itu menunjukkan perubahan tingkah laku dari tidak tahu sesuatu kepada mengetahui sesuatu.

Anita (1980) pembelajaran ialah perubahan dalaman yang berlaku pada seseorang, pembentukan hubungkait yang baru, atau potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru. Manakala Morris pula (1982) pembelajaran merujuk kepada beberapa perubahan sistematik dalam tingkah laku yang berlaku hasil daripada pengalaman dalam situasi yang tertentu. Kelvin (1983) mengatakan pembelajaran merangkumi perubahan tingkah laku yang agak kekal disebabkan oleh pengalaman tertentu atau ulangan pengalaman. Dapatlah difahamkan pembelajaran ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan hasil daripada gabungan jalinan penggunaan PSS termasuk koleksi bahan serta perkhidmatan dalam P & P, lalu membentuk perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat daripada perubahan dalaman dan pengalaman, tetapi bukan semata-mata disebabkan oleh pertumbuhan atau kematangan atau pun kesan sementara seperti penyakit.

3.0 Faktor-faktor Penggunaan PSS Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Penggunaan PSS dalam pengajaran dan pembelajaran dipengaruhi oleh beberapa faktor:

3.1 Kaedah pengajaran guru

Kajian oleh Heather (1984) menyatakan gaya pengajaran dan peranan guru PSS adalah faktor utama yang mengembangkan penggunaan PSS. Guru PSS memainkan peranan dalam menggalakkan guru mata pelajaran supaya menggunakan PSS sebagai salah satu tempat yang formal juga untuk P & P. Menurut Rokiah (1999) P & P yang berkesan menekankan penggunaan teknologi dan kaedah baru serta pelbagai media. Antaranya ialah meningkatkan penggunaan komputer di bilik darjah, memperluaskan pembinaan bahan-bahan pengajaran dan multimedia serta meningkatkan penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) sebagai nadi dalam proses P & P di sekolah. Kajian "Penggunaan Media Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran dalam KBSR dan KBSM", guru-guru digalakkan menggunakan pelbagai media dan kaedah untuk membantu pengajaran. Rangkaian pusat sumber pendidikan didirikan daripada peringkat kementerian hinggalah ke peringkat sekolah. Pusat –pusat sumber pendidikan ini diharap dapat merancang dan menyediakan program media pendidikan supaya meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Yusup Hashim, 1992). Menurut Rokiah (1991), di sekolah pusat sumber ditubuhkan untuk memenuhi tiga matlamat utama iaitu menyediakan perkhidmatan media (seperti memberi pinjam), melahirkan pengguna/pencari maklumat (pelajar) yang bijaksana dan intelektual dan menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Dapatan kajian Burks (1996) mengesahkan bahawa penggunaan PSS oleh pelajar ditentukan oleh tugas yang diberikan oleh guru yang memerlukan pelajar menggunakan PSS. Dari kajian ini dapatlah dikatakan bahawa guru juga berperanan dalam menggalakkan pelajar menggunakan pusat sumber untuk pengajaran dan pembelajaran, sama ada memberi tugas atau pun membuat aktiviti pengajaran dengan membawa pelajar masuk menggunakan pusat sumber semasa proses

pengajaran dan pembelajaran secara terancang, sekaligus sebagai bahan bantu mengajar dan menjalankan kaedah pembelajaran sendiri.

Sikap pelajar terhadap PSS adalah penting bagi menentukan kejayaan PSS. Ini diakui oleh Waters (1994) yang mengatakan sikap pelajar terhadap PSS adalah sangat penting sekiranya PSS ingin memainkan peranan utama dalam pendidikan.

3.2 Untuk mendapatkan maklumat/menyelesaikan tugas

Kecenderungan penggunaan PSS bergantung kepada keperluan pengguna PSS itu sendiri, sama ada pelajar atau guru. Diantaranya ialah minat untuk mengunjungi PSS bagi mendapatkan sesuatu maklumat yang ingin dicari yang boleh memberi manfaat dan faedah kepada pelajaran atau dirinya. Selain dari itu terdapat sesuatu yang menarik di dalam PSS menjadikan seseorang itu berminat untuk mengunjungi PSS.

Melalui kajian oleh Mancall dan Prott (1979) yang mengkaji penggunaan bahan rujukan di kalangan pelajar di enam buah sekolah menengah. Data yang dikumpul melalui bibliografi yang ditulis oleh pelajar, soal selidik dan temu bual menunjukkan pelajar lebih bergantung kepada monograf dan buku teks daripada bahan-bahan rujukan lain. Manakala kajian oleh Hashim Awang (1981), Samsiah Mustafa (1982) dan Rabiah Halidi (1988) sebaliknya mendapati hanya 70% pelajar menggunakan PSS untuk membuat rujukan, selain daripada membaca, meminjam dan memulangkan buku.

Menurut Jayaseelan Muniandy (1998) dalam kajiannya didapati 68% guru pelatih telah memilih aktiviti mencari dan mengumpul bahan-bahan rujukan untuk menyediakan kerja kursus. Ini merupakan aktiviti pilihan utama guru pelatih lelaki (80%) dan guru pelatih perempuan (66%) semasa berada di perpustakaan. Dalam pada itu sebilangan besar responden (46%) berkunjung ke perpustakaan semata-mata membaca surat khabar dan majalah. Seramai 45% guru pelatih lelaki dan 46% guru pelatih perempuan telah memilih aktiviti ini sebagai aktiviti pilihan kedua. Pada amnya kedua-dua guru pelatih lelaki (15%) dan perempuan (17%) telah meletakkan aktiviti berseimbang sebagai aktiviti pilihan terakhir di perpustakaan. Sungguhpun begitu satu perkara yang mengecewakan ialah hanya sebilangan kecil di kalangan mereka (25%) telah memilih aktiviti penulisan artikel untuk majalah atau suratkhbar

3.3 Minat membaca

Kekerapan penggunaan PSS mempunyai banyak faktor, antaranya minat membaca. Individu yang mempunyai hobi membaca akan mudah untuk mengunjungi PSS berbanding dengan mereka tidak minat membaca. Kajian Rabiah Halidi (1989) yang mendapati terdapat hubungan yang rapat diantara kekerapan penggunaan PSS dengan minat membaca. Beliau mendapati bahawa seramai 72.5% daripada pelajar yang berkunjung ke PSS adalah bertujuan untuk membaca atau meminjam buku cerita, majalah atau surat khabar. Seterusnya seramai 60% pelajar yang berkunjung ke PSS adalah untuk meminjam buku-buku rujukan.

Laporan kajian yang dibuat oleh Perpustakaan Negara Malaysia yang bertajuk 'Profil Membaca Rakyat Malaysia, 1996' (1996) mendapati adalah amat jelas bahawa mmereka yang lebih muda menggunakan perpustakaan lebih kerap. Penggunaan perpustakaan digalakkan sebahagian besarnya melalui persekolahan. Penggunaan perpustakaan yang amat tinggi di kalangan yang berumur 10-14 tahun (79%). Maka boleh diandaikan penggunaan perpustakaan yang lebih kerap adalah golongan mereka yang masih belajar. Antara sebab lain kekerapan penggunaan PSS adalah mereka yang

berpendapatan rendah dan daripada luar bandar .(Laporan kajian yang dibuat oleh Perpustakaan Negara Malaysia yang bertajuk 'Profil Membaca Rakyat Malaysia,1996' (1996).

Kajian oleh Mary Jo Lynsh (1974), pula mendapati bahawa ada hubungan yang rapat antara pengguna perpustakaan dengan tabiat membaca.sejumlah 71% daripada mereka menyatakan telah membaca sebuah buku dalam masa sebulan .Menurutnya lagi,satu pertiga orang dewasa yang dikali membaca sebuah buku atau lebih dalam masa sebulan,manakala 25% menyatakan mereka membaca 24 buah buku atau lebih dalam masa setahun.

Dalam kajian Atan Long (1979) mengenai tentang tahap pembacaan rakyat Malaysia yang berumur antara 16-60 tahun.Hasil kajian beliau menunjukkan hanya 8% rakyat Malaysia yang menyatakan bahawa perpustakaan mempengaruhi minat membaca.Beliau membuat kesimpulan bahawa peranan PSS terhadap minat membaca adalah minimum.

Dalam kajian yang lain(1984) Atan Long juga mengkaji minat membaca masyarakat Malaysia mendapati taraf pengguna PSS di kalangan rakyat Malaysia adalah diperingkat minimum.Untuk kajian ini didapati punca kekurangan minat membaca adalah disebabkan oleh kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) tidak dilaksanakan dengan berkesan pada peringkat awal.(Anuar Hj.Yop,1999). Manakala Dindi Guliga (1989) mendapati ramai pelajar berminat membaca tetapi pembacaan mereka hanya tertumpu kepada bahan-bahan yang berkait dengan peperiksaan sahaja.Beliau mendapati 94% responden kajiannya gemar membaca bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia dan 31% menganggap PSS sebagai sumber utama untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan.

Antara faktor lain kekerapan penggunaan PSS di kalangan pelajar ialah minat membaca buku-buku fiksyen.la disokong oleh kajian Jones (1986) mendapati pelajar-pelajar yang minat membaca meminjam banyak buku fiksyen dari PSS.Kajian ini membuktikan pelajar-pelajar yang mengunjungi PSS minat membaca daripada bahan fiksyen dan menjadi pendorong untuk mengunjungi PSS.Faktor ini juga disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Rabiah Halidi (1988) mendapati bahawa kekerapan penggunaan PSS dengan minat membaca,sejumlah 72.5% pelajar menyatakan tujuan mereka ke PSS ialah membaca dan meminjam buku cerita,majalah atau akhbar.Hasil daripada dua kajian diatas dikuatkan lagi dengan kajian yang telah dilakukan oleh Kiran Kaur (1990) apabila beliau mendapati 60% pelajar yang menggunakan PSS adalah untuk membaca buku cerita,manakala yang selebihnya untuk tujuan lain.

Rumusannya,daripada dapatan kajian-kajian diatas membuktikan bahawa minat membaca mempengaruhi kekerapan penggunaan PSS terhadap pelajar-pelajar terutama bahan bacaan fiksyen,yang mempengaruhi mereka untuk mengunjungi PSS sekaligus telah berjaya mengisi masa lapang dengan perkara-perkara yang berfaedah dan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan serta menjadikan mereka lebih kreatif dan kritis dalam aspek pemikiran. Kajian terdahulu oleh Halimah Bdioze Zaman (1987),yang membuat kajian tentang PSS dalam pembelajaran oleh pelajar-pelajar di beberapa buah sekolah menengah di Kajang dan Serdang,mendapati bahawa penggunaan PSS adalah menggalakkan.Daripada 378 sampel,hanya 7% sahaja yang tidak pernah pergi ke PSS manakala 93% sekurang-kurangnya pergi ke PSS sekali dalam seminggu.Daripada

perbincangan di atas, maka bolehlah dirumuskan bahawa para pelajar memerlukan sokongan, dorongan, galakan untuk menggunakan PSS dengan berkesan. Guru sebagai orang yang paling rapat dengan pelajar disekolah.

3.4 Aktiviti yang dianjurkan oleh PSS

Tan Poh Choon (2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PSS berjaya menarik minat pelajar berkunjung ke PSS, dan bilangan pelajar semakin bertambah. Mereka juga berminat untuk melihat bahan-bahan bacaan yang dipamerkan serta menggunakan peralatan permainan minda yang disediakan di PSS. Lanjutan dari itu mereka mulai mengetahui lokasi bahan mengikut bidang tertentu dan mahir mencari yang dikehendaki.

Pusat Sumber Sekolah yang cemerlang sentiasa merancang aktiviti dengan teliti, setiap aktiviti itu dilaksanakan secara berterusan untuk menggamit kunjungan dan kehadiran pengguna ke PSS terutama di kalangan pelajar dan guru. Pengguna mengunjungi PSS dengan pelbagai tujuan tetapi aktiviti merupakan langkah awal untuk mereka mengenali PSS. Pengalaman dan pengamatan penyelidik sebagai Guru Media dan Perpustakaan, Bulan Membaca - PSS (Julai) jumlah pengunjung PSS bertambah sekali ganda daripada bulan-bulan lain, ini kerana banyak aktiviti yang dijalankan di PSS.

3.5 Pencapaian tahap akademik

Kekerapan penggunaan PSS bergantung juga dengan pencapaian akademik seseorang. Semakin tinggi tahap pembelajaran seseorang, kekerapan penggunaan PSS semakin meningkat. Hal ini diperakui oleh kajian yang tercatat dalam Encyclopedia of Education Research (1969), (dalam Mat Rahim Affandi, 1992) yang menjelaskan bahawa semua kajian ke atas penggunaan perpustakaan menunjukkan korelasi yang signifikan antara kekerapan penggunaan perpustakaan dengan aras pendidikan di mana semakin tinggi taraf pendidikan seseorang, semakin keraplah penggunaan perpustakaan.

4.0 Pengaruh Penggunaan PSS Melalui Kemahiran Mengesan Maklumat Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar bergantung kepada kaedah dan teknik yang digunakan oleh seseorang guru yang kreatif, dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pengajarannya. Penggunaan PSS dalam pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dengan teliti dan rapi adalah salah satu kaedah pengajaran yang menarik minat pelajar. Kemahiran mengesan maklumat adalah salah satu kemahiran dalam pembelajaran, dan ia mesti dipupuk di kalangan pelajar supaya pencarian ilmu berlaku dengan mudah dan berkesan serta memberi impak yang banyak kepada pelajar. Kelaziman kemahiran mengesan maklumat berlaku di PSS dengan pelbagai kaedah sama ada mengesan maklumat secara bercetak atau pun on line. Secara tidak langsung ia menunjukkan ada perhubungan antara penggunaan PSS dan kemahiran mengesan maklumat.

Evolusi masa yang digariskan oleh Toffler (1983) telah memperlihatkan pengaruh maklumat terhadap perkembangan pendidikan. Dizaman ini, maklumat sangat mudah

diperolehi. Situasi ini memerlukan setiap individu berupaya untuk memilih, mengguna dan menilai maklumat. Banyak kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara penggunaan PSS dan kemahiran mengesan maklumat. Contohnya kajian oleh Hagrasy (1962) mendapati bahawa ada pertalian antara minat dan kebolehan belajar melalui penggunaan pusat sumber dengan kemahiran mengesan maklumat. Maka pelajar yang mempunyai kemahiran mengesan maklumat didapati lebih berminat kepada aktiviti membaca dan kerap mengunjungi PSS untuk mendapatkan pelbagai bahan bacaan.

Kemahiran mengesan maklumat mampu menyelesaikan berbagai masalah pelajar, sekaligus berlaku kemahiran penggunaan PSS. Kajian oleh Maier (1970) mendapati pengetahuan dan kemahiran mengesan maklumat yang didedahkan kepada pelajar-pelajar sebelum menjalankan kajian menolong pelajar-pelajar menggunakannya dengan berkesan. Kajian ini disokong dengan kajian yang dibuat oleh Suydam dan Weaver (1977) mendapati beberapa factor mempengaruhi pelajar-pelajar menyelesaikan masalah dengan baik. Antaranya termasuklah kebolehan memikirkan prosedur yang sesuai dalam mengumpulkan data, kebolehan mengenal maklumat yang tidak perlu, memilih kaedah dan membuat generalisasi. Hasil daripada kemahiran-kemahiran ini maka peranan dan fungsi PSS dapat diguna pakai dengan maksimum oleh pelajar dan seterusnya meningkatkan kadar serta kekerapan penggunaan PSS di kalangan pelajar-pelajar.

Terdapat pelbagai model literasi maklumat yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar literasi maklumat. *Model The Big6™* oleh Eisenberg dan Berkowitz (1990) adalah salah satu model yang sesuai untuk pendekatan penyelesaian masalah. Menurut Mohammed & Azizah (2000), pendekatan *Model The Big6™* mendapat tempat di kalangan paka-pakar dalam bidang literasi maklumat. Eisenberg dan Berkowitz (1990) menegaskan bahawa keupayaan untuk menyelesaikan masalah adalah penting kepada pelajar, mereka mengemukakan enam peringkat utama untuk menyelesaikan masalah secara sistematik iaitu:

- Definisi tugas – iaitu menentukan masalah dan mengenal pasti keperluan maklumat dalam menyelesaikan masalah
- Strategi mencari maklumat – ialah menentukan sumber-sumber maklumat terbaik dan membina perancangan pencarian maklumat serta menapis yang terbaik
- Lokasi dan akses – menentukan lokasi pencarian maklumat
- Guna maklumat – mengenal pasti maklumat yang diperolehi melalui membaca, mendengar, menonton dan sebagainya.
- Sintesis – menyusun serta mengatur maklumat dengan sistematik dan mempersembahkan maklumat itu
- Penilaian – menilai hasil kerja terakhir, dan menentukan sama ada menepati tugas atau sebaliknya.

Ahmadi Hassan (1988), membuktikan lagi melalui kajiannya di Amerika Syarikat, mendapati pelajar-pelajar antarabangsa bermasalah dalam mengesan sumber rujukan dan maklumat yang diperlukan. Kekurangan pengetahuan tentang perkhidmatan

dan panduan merupakan masalah utama mereka. Mereka percaya kemahiran mengesan maklumat yang disepadukan dalam pengajaran sesuatu mata pelajaran dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh mereka. Beberapa cara pengajaran kemahiran menggunakan pusat sumber telah dicadangkan.

Selain daripada pusat sumber itu sendiri menyusun program tersebut, pelajar-pelajar sepatutnya didedahkan dengan kemahiran penggunaan pusat sumber oleh negara penganjur sebelum mereka bertolak ke Amerika Syarikat. Master (1988) mendapati guru PSS boleh membantu guru mata pelajaran sebagai pakar media. Mereka boleh melibatkan diri secara khusus dalam pengajaran bahasa dan mata –mata pelajaran lain dengan memberikan sokongan dari segi cara mengesan maklumat dan khidmat yang berkaitan. Guru PSS sepatutnya terlibat secara langsung dengan program ini.

Daripada kajian - kajian lepas membuktikan bahawa kemahiran mengesan maklumat dan kemahiran menggunakan pusat sumber juga memainkan peranan dalam kekerapan penggunaan PSS dikalangan pelajar serta dapat menyelesaikan masalah dan turut membezakan pencapaian prestasi mereka. Penggunaan PSS akan berbeza di kalangan pelajar yang mempunyai kemahiran mengesan maklumat dengan pelajar yang tidak mempunyai kemahiran mengesan maklumat. Bluemel (1985) mendapati pengajaran mengesan maklumat menghasilkan perbezaan cara penggunaan PSS membaca dan mengajar kemahiran menggunakan PSS serta membantu pelajar mencari bahan dan sebagainya. Sekali lagi Bilal (1988), dalam kajiannya di Amerika Syarikat, mendapati perbezaan tahap penggunaan PSS bergantung kepada pengetahuan tentang PSS, perkhidmatan PSS dan koleksi di PSS.

Memandangkan betapa pentingnya kemahiran mengesan maklumat kepada pelajar-pelajar, maka QERC (Quality of Education Review Committee), laporan Karmel (1984) PEP (Participation And Equity Program), BLIPS (Basic Learning in Primary School) dan ACIN (Australia Curriculum Information Network) (dalam Hazell, 1987; Anuar, 2000) telah mencadangkan supaya pelajar-pelajar diajar tentang kemahiran mengesan maklumat. Pembelajaran akan menjadi lebih berkesan jika pelajar terlibat secara aktif tentang penggunaan, masalah dan keperluan PSS mendapati pengguna mencadangkan agar program pendidikan yang sesuai dengan tuntutan matlamat pelajaran sekolah perlu diadakan disamping aktiviti-aktiviti lain. Begitu juga dengan kajian terdahulu oleh Davies (1979) pula, mengesyorkan supaya galakan penggunaan PSS dilakukan melalui pengajaran kemahiran asas penggunaan PSS dan menetapkan masa pengajaran dalam jadual waktu harian sekolah. Walau bagaimanapun, Lunzer dan Gardner (1979) menganggap cara pengajaran kemahiran mengesan maklumat secara itu kurang berkesan kerana matlamat dan perancangan pengajaran tidak dibuat dengan sistematik. Kajiannya di kalangan pelajar sekolah menengah mendapati pelajar mencari buku-buku yang tidak diperlukan di rak-rak di PSS. Walaupun pelajar tahu tentang indeks, cara pengelasan dan penyusunan buku tetapi mereka tidak mahu mengamalkan pengetahuan ini.

Abd. Rahman Hussain (1993) berpendapat kemahiran mengesan maklumat adalah pra-syarat yang penting untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan pendekatan PSS. Individu pelajar akan dapat menggunakan sumber secara maksima sekiranya mereka menguasai tiga kemahiran iaitu kemahiran pusat sumber, kemahiran belajar dan kemahiran penyelidikan.

Jayaseelan Muniandy (1998) dalam kajiannya terhadap pelatih maktab dilihat dari segi kelemahan dalam jenis-jenis kemahiran perpustakaan didapati sebilangan besar guru pelatih tidak mengetahui kemahiran-kemahiran mencari maklumat menerusi kaedah abstrak(84.5%), Tesaurus(81.9%), Ensiklopedia(62.1%) dan Direktori(54.3%) . Pada amnya guru pelatih menghadapi pelbagai masalah semasa berada di perpustakaan. 80.8% guru pelatih bersetuju mencari bahan merupakan antara masalah utama kerana sukar memperoleh sumber-sumber yang hendak dicari. Ini diikuti dengan masalah ketiadaan bahan yang dicari(80.2%). Satu lagi masalah besar guru pelatih semasa mencari maklumat di perpustakaan ialah menghabiskan masa yang terlalu banyak disebabkan tidak mengetahui cara mudah mencari maklumat(74%). Dapatan daripada hasil kajian-kajian diatas menunjukkan bahawa pentingnya kemahiran mengesan maklumat kepada pelajar-pelajar bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dari sudut pencarian maklumat dan penambahan bahan rujukan dalam mana-mana mata pelajaran. Secara tidak langsung para pelajar dapat mengembangkan kemahiran berfikir serta kreatif dalam pembelajaran dan membudayakan '*ilmu sepanjang hayat*'.

5.0 Masalah penggunaan PSS dalam pengajaran dan pembelajaran serta cadangan mengatasinya

Antara masalah-masalah penggunaan PSS dalam pengajaran dan pembelajaran ialah : *Kemudahan fizikal yang kurang mencukupi*. Antara kemudahan fizikal PSS ialah perabot seperti kerusi ,meja membaca,rak buku,almari,rak majalah,rak akhbar dan sebagainya. Menurut Asiah Abu Samah (1972) ; (dalam Anuar Afandi,1994) mengutarakan,sekolah seharusnya menyediakan dan mengemaskan kelengkapan-kelengkapan fizikal di PSS bagi menarik minat pelajar mengunjunginya dengan lebih kerap lagi.Kemudahan –kemudahan seperti ruang yang luas,susun atur rak yang kemas,perabot serta perhiasan dalaman yang menarik perlulah di sediakan untuk tarikan pengguna.

Menurut Abdul Rahim Mohd Saad (1983);(dalam Abd.Rahman Ab.Rashid 1995) nyata,didalam sesebuah perpustakaan sumber satu suasana yang baik dan selesa adalah perlu kerana keadaan sedemikian boleh menggalakkan pembelajaran.Oleh itu ianya perlu mempunyai rekaan yang menarik,perabot-perabot yang disusun dengan cara yang teratur serta hiasan dalaman yang memuaskan. Kassim Abbas (1988) pula mengesyorkan cadangan bahawa walau apa pun saiz bilik perpustakaan yang disediakan oleh pihak sekolah,pengubahsuain perlu dibuat untuk memberikan keselesaan kepada penggunanya.Selain kipas alat hawa dingin perlulah difikirkan untuk memberi keselesaan terhadap penggunanya.Bagi menjaga kesihatan pengguna,adalah disyorkan beberapa 'exhaust fan' dipasangkan untuk peredaran udara. Sekiranya kurang tempat duduk untuk pelajar mengulangkaji atau membaca.Pelajar terpaksa berkongsi kerusi apabila berada di PSS,kerana perancangan keluasan bilik tidak menepati peratus yang sepatutnya iaitu sepuluh peratus (10%) dari jumlah keseluruhan pelajar.Faktor ini mendorong berlakunya suasana yang tidak dapat dikawal,dimana pelajar akan lebih banyak bergurau,bercakap,ketawa dan bergaduh daripada melibatkan diri dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Pihak pengurusan sekolah dan AJK PSS hendaklah bermesyuarat bagi mengatasi masalah ini dengan mengadakan program bagi mengumpul dana untuk menambahkan keperluan pengguna PSS.

6.0 Kekurangan Koleksi Bahan

Bahan-bahan koleksi PSS antaranya adalah buku - buku ilmiah pelbagai bidang, buku fiksi, ensiklopedia, kamus, surat khabar, pelbagai jenis majalah, permainan dalam , perisian- elektronik dan lain-lain. Kajian yang dibuat oleh Rabiah Jawa (1999) mengenai masalah utama yang dihadapi semasa menggunakan PSS ialah kekurangan bahan, sama ada bahan bercetak seperti buku-buku, majalah dan sebagainya atau pun bahan tidak bercetak seperti pita video, pita kaset, filem, perisian komputer dan lain-lain. Faktor ini memainkan peranan utama dalam meningkatkan aktiviti penggunaan PSS dalam pengajaran dan pembelajaran kerana setiap kali guru atau pelajar untuk menggunakan PSS, kemudahan koleksi bahan sentiasa mencukupi.

Pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber tidak berhasil jika persekitaran sekolah tidak kaya dengan sumber maklumat. Tetapi keperluan ini nampaknya tidak dapat dipenuhi oleh perpustakaan kerana kekurangan sumber (Lim, 2002). Keprihatinan serta kerjasama semua pihak dapat mengatasi kekurangan koleksi PSS dengan menganjurkan pelbagai aktiviti sama ada melalui bantuan PIBG ataupun guru-guru dan pelajar-pelajar. Antaranya membina koleksi sendiri, memohon sumbangan komuniti dan lain-lain.

7.0 Kurang Kemahiran Penggunaan Pusat Sumber Sekolah atau Kemahiran Mengesan Maklumat

Antara kemahiran PSS adalah tahu menggunakan kad catalog, jelas tentang sistem pengelasan yang digunakan di PSS dan sebagainya. Menurut Rabiah Jawa (1999) pelajar kurang pengetahuan untuk mengenal pasti sumber maklumat serta pencarian bahan di PSS. Ianya menjadikan mereka kurang berminat untuk mengunjungi PSS, kerana mereka merasa membazir masa dengan pencarian yang mengambil masa yang panjang. Kajian oleh Wong Fong Kin (1989) di dua buah sekolah di Seremban mendapati ramai pelajar yang belajar di PSS hanya berbual-bual perkara yang tidak serius. Selain itu terdapat juga sekolah-sekolah yang mempunyai jadual terhad. Perkara sebegini berlaku kerana para pelajar kurang memahami atau tidak tahu kaedah dan teknik menggunakan PSS yang sebenar, menjadikan objektif kunjungan mereka ke PSS tidak tercapai. Guru media dan perpustakaan hendaklah menganjurkan program literasi maklumat untuk guru dan pelajar sepanjang tahun, bukan hanya minggu orientasi sahaja, supaya semua pengguna tahu mengaplikasikan maklumat tersebut.

8.0 Masa Operasi Pusat Sumber Sekolah

Kekangan masa mengakibatkan kurang penggunaan PSS di kalangan pelajar dan guru sama ada, masa operasi PSS ataupun masa lapang guru dan pelajar untuk menggunakan PSS. Kajian oleh Wong Kim Siong (1983) mendapati terdapat banyak faktor yang menghalang penggunaan PSS antaranya kekurangan bahan bacaan yang menarik dan jadual waktu pembukaan PSS yang tidak sesuai serta mencukupi. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian Samsiah Mustafa (1991) di beberapa buah sekolah dalam jajahan Kelantan, yang menunjukkan PSS hanya dibuka selama 15 hingga 20 minit sehari. Selain dari penggunaan yang sangat terkongkong, ada sekolah yang langsung tidak memperuntukan satu waktu pun untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Keadaan sudah tentu tidak menarik minat pelajar untuk menggunakan PSS. Kajian beliau juga mendapati ada sekolah membuka PSS hanya pada waktu rehat sahaja iaitu pukul 10.00 hingga 10.25 pagi. Pelajar lain tidak dibenarkan memasuki PSS

selain dari waktu tersebut. Masa operasi PSS sepatutnya selari dengan sesi persekolahan, dengan itu PSS dapat digunakan semaksimum mungkin dan ia memudahkan pengguna mengikut keselesaan mereka dan perancangan P & P dapat dibuat lebih awal dan teratur serta terancang.

9.0 Pengurusan PSS Yang Kurang Cekap

Terdapat kajian-kajian lepas menunjukkan beberapa kelemahan dalam pengurusan Pusat Sumber Sekolah, yang kadang-kadang kelemahan-kelemahan itu menjadi faktor penyebab ianya (PSS) tidak dikunjungi oleh guru dan pelajar. Kelemahan-kelemahan pengurusan PSS ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kemahiran pengurusan PSS, kurang kursus mengenai PSS dan sebagainya. Cadangan, guru media diberi kursus yang mencukupi untuk mengurus PSS, supaya PSS dapat berfungsi seperti yang diharapkan dan ia menepati piawai PSS yang sebenar.

10.0 Rumusan

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan kajian-kajian lepas, mendapati Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah sumber utama maklumat, sama ada dalam bentuk bercetak seperti buku, majalah, jurnal, surat khabar dan sebagainya atau pun dalam bentuk elektronik seperti CD ROM, video, kaset video, pangkalan data dan lain-lain.

Sokongan yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Teknologi Pendidikan, mengharapkan hari ini Pusat Sumber Sekolah bukan hanya memainkan peranan sebagai tempat meletak dan mengumpulkan bahan-bahan maklumat sahaja malah ia berfungsi sebagai;

- Pusat himpunan sumber segala ilmu multimedia.
- Pusat rekreasi minda, memupuk minat pengunjung supaya menghayati ilmu sepanjang hayat melalui program pendidikan terancang
- Pusat ilmu setempat, bermakna pengunjung mampu memperolehi ilmu dari pelbagai lokasi hanya duduk di hadapan komputer di pusat sumber sahaja.
- Pusat Inforia (infotainment) dan didikria (edutainment), pelajar merasa terhibur dan seronok untuk mendapatkan ilmu tanpa rasa bosan.
- Pusat pembudayaan teknologi maklumat dan ilmu, pelajar dapat memahirkan diri dengan komputer serta memperolehi ilmu.
- Pusat pangkalan data, untuk mendapatkan sebanyak mungkin data yang diperlukan oleh pelajar.

Apa yang diharapkan fungsi PSS sebenar dalam P & P dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin, atas bantuan dan kerjasama pelbagai pihak serta memainkan peranan dalam membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar dan meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara.

Rujukan

- Ab.Rahman Ab.Rashid (1995). "Keberkesanan penggunaan TV pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu KBSM:satu kajian kes di enam buah sekolah menengah di daerah Kerian .Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi.
- Abd.Rahim Md.Arof dan Zakaria Kasa (1994). *Falsafah dan konsep pendidikan*.Shah Alam:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abd. Rahman Hussain (1993). "Kemahiran maklumat menerusi penggunaan pusat sumber yang berkesan".Jurnal wawasan,8(1),36-47.
- Abdul Wahid Sulaiman (1993). "Persepsi pelajar tingkatan 4 tentang factor yang mempengaruhi kecenderungan penggunaan pusat sumber sekolah di Bentong,Pahang Darul Makmur".Latihan ilmiah,Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi.
- Abdullah Sulaiman (1987). *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu*.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohd Salleh (1997). *Pendidikan Islam Falsafah,pedagogi dan metodologi*.Selangor:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Saman Mohd Nawawi . (1987). "Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan PSS : Program,projek dan strategi.berita Perpustakaan Sekolah ,13 (1) ,9-13
- Ahmadi Hassan (1988). "Reations of international students to academic library services and resources: problems and difficulties encountered by international students intems of using library services and resources at USC and UCLA ".Latihan ilmiah,Los angeles.
- Ahmad Saman Mohd Nawawi .(1987) . "Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan PSS :program,projek,dan strategi .Berita Perpustakaan Sekolah ,13 (1), 9-13.
- Anita E . Woolfolk,Lorrain McCune Nicolich .(1980). *Educational Psychology for teachers*.
- Anuar Afandi (1994). " Peranan pusat sumber perpustakaan sekolah (PSPS) bagi mempertingkatkan minat membaca di kalangan pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Vakasional di Selangor Darul ehsan." Latihan ilmiah Universiti Teknologi Malaysia,Skudai.
- Anuar Hj.Yop (2000) . "Kajian terhadap penggunaan pusat sumber sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu".Master Sains: Universiti Putra Malaysia,Serdang
- Asiah Abu Samah (1990). "Kemahiran pengendalian maklumat,mengesan yang relevan,menilai yang menemui". Teknologi Pendidikan,11:3-15
- Asiah Abu Samah . (1992) ."PSS : Cabaran masa kini dan harapan masa depan ". Teknologi Pendidikan .Buletin Bahagian Teknologi Pendidikan,13 (3) ,3-6
- Aton Long (1979). "Survey on the reading habits and interest of Malaysian .Kuala lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1980) . "Pedagogi :Kaedah am Mengajar .Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1984). "A survey on reading habits and interest of Malaysia people.Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beswicks, N . (1987) . "The use of knowing interactive models of The School Librarian. 36 (1),6.

- Bluemel, N. L. (1987) .*An Analysis of the effects og the differentiated program on the Library experience of gifted students (Texas)*”.Latihan ilmiah ,Texas Women’s Universiti.
- Bilal, D.M. (1988). “*Library knowledge of international students from developing countries :Comparision of their perceptions with those of reference librarians*”. Latihan ilmiah,The Florida State University.
- Burks ,F. (1996) . “*Student use of school library media centers in selected high schools in Greater Dallas – Fort Worth*’, Texas .School Library Media Quarterly,24 (3), 143 -149.
- Crow and Crow (1983) .”*psikologi pendidikan untuk perguruan* “.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davies, R.A.(1974) .”*The school library media centre*” New York :Bowker,co.
- Davies, R.A.(1979) . .”*The school library media program:Instructional force for excellence (3^d ed)* New York :R.R. Bowker,co.
- Dindi Guliga (1989) . “*Satu tinjauan terhadap minat membaca bahan –bahan bacaan tambahan di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Bukit Changgung,Kuala Langat*”.Latihan ilmiah,Universiti Pertanian Malaysia,Serdang.
- Edsall,M .S.(1984) .”*Practical PR for school library media centre*.New York : Neal – Schuman Publishers.
- Ellen, J.M.(1986).”*The elementary school library media teachers role in ducating students to think* “.School Library Media Quarterly, 15 :28 – 32.
- Encyclopedia of education. (1969). Dalam Mat Rahim Affandi.(1992). “*Peranan dan sumbangan pusat sumber sekolah terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di peringkat tingkatan 6 : Satu kajian di tiga buah sekolah daerah Hilir Perak*”. Penulisan Ilmiah,Universiti Pertanian Malaysia,Serdang.
- Good, C. C. (1973).*Dictionary of education*.New York, McGraw-Hill Book Company.
- Halimah Badioze Zaman (1989). “*Satu kajian tentang kemudahan dan masalah yang dihadapi oleh perpustakaan sekolah dalam menyalurkan fungsi sebagai sumber informasi dalam pendidikan dan dalam meningkatkan minat membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah di Bandar dan luar Bandar*”.Latihan Ilmiah,Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hashim A wang (1981). “*penggunaan perpustakaan di sekolah-sekolah menengah di Daerah Maran,Pahang*”. Latihan ilmiah,Maktab Perguruan Ilmu Khas,Kuala Lumpur.
- Hazell, A. (1987). *Our school and their purposes*.Edelaide Education Department of South Australia.
- Heather,P. (1984). “*Teaching methods and used of books and libraries in primary schools : Review*”. British Library Board,(center for research on user studies occasional paper ,No.11).
- Heather, G. (1984). *A study of the use of books and library : Children in primary*”.British Library Board,(center for resoucers on user studies, occasional paper,No. 11).
- Hounsel, D. et. al, (1978). “*Information and the teacher*”.Education Library Bulletin,21 : 1 -25.
- Hussain Rahim (22 Januari, 1981). “*Mengembangkan fikiran melalui penbacaan*”.Berita Harian.
- Ibrahim Ahmad (16 Mac, 1990). “*Ada pusat sumber sekolah tidak berfungsi*”. Berita Harian.
- Isnazhana Ismail,Ramlee Mustapha & Mohamed Salim Taufix Rashidi .(2006) . “*Pusat sumber digital : Era baru perkongsian maklumat di sekolah* “.Kertas kerja dibentangkan dalankonvensyen teknologi pendidikan ke 19 .Kedah .

- Jerry, H. J. (1970). *The instructional service center : A new concept*. Minnesota, Bergess Publishing Company.
- Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1996). *Pusat Sumber Sekolah rendah dan menengah*, Kuala Lumpur: Kumpulan budiman Sdn. Bhd.
- Kassim Abas. (1988). *Pusat Sumber Sekolah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kassim Abas .(1989) . *Pusat Sumber Sekolah :Struktur dan pelaksanaannya* . Kuala Lumpur :Utusan Publications.
- Koh Boh Boon .(1989) . *Perspektif – perspektif dalam pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lunzer dan Gardner, K. (1979). *The effective use of reading*. London : Heinemann Educational Books for the School Council.
- Maier, N. F. (1970). *Problem solving and creativity in individuals and groups*. London : Brooks / Cole.
- Mancall, J. C . dan M.C. Prott (1979).: *Material used by high school students in preparing independent study project :A bibliometric approach*.” Library Research,1 (3), 223-230 .
- Marland, M. (1981) . “*Information skills in the secondary curriculum: The recommendation of a working group sponsored by the British library and the school council*”. London: Methuen, Education.
- Mat Jizat Abdol . (1995) . “*Pusat sumber sekolah :Antara perancangan dan pelaksanaannya di sekolah ,satu tinjauan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam konvensyen Teknologi Pendidikan Ke VIII, Holiday INN Kuching ,Sarawak, 3-6 Nov ,1995 .
- Mat Rahim Affandi . (1992).”*Peranan dan sumbangan PSS terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di peringkat tingkatan enam. Satu kajian ditiga buah sekolah daerah Hilir Perak*” .Penulisan ilmiah, Bachelor Pendidikan (PBMP), Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- Miller , M. L. (1976) . ‘*Student access to school library media center resources as viewed by high school seniors in Southwestern Michigan school accredited by the North Central Association of Colleges and Schools*.
- Mohamad Abdul Hamid .(1991).”*Penggunaan bahan pusat sumber sekolah dalam pengajaran Bahasa Melayu 1-111*. Satu tinjauan”. Penulisan ilmiah, Bachelor Pendidikan (PBMP), Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- Mohd Ashri Hassan . (1999). “*Keberkesanan penggunaan TV pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di enam buah sekolah rendah daerah Machang*”. Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamed Yahaya . (1988) . “*Perpustakaan sekolah – Satu tinjauan dari segi peranan dan masalahnya*”. Jurnal Pendidikan Raub .1:39-42
- Mohd. Najib Abdul Ghafar .(2003) . *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan* . Johor :Universiti Teknologi Malaysia.
- Morris L. Bigge .(1982) . *Learning Theories for Teachers* .
- Norhayati Abd. Mukti . (1995) . *factors related to teacher use of computer technology in Malaysia*. Doctoral Dissertation. Michigan state University.
- Norma Alias (1989) .”*kajian kes tentang penggunaan bahan-bahan rujukan di pusat sumber maktab*”. Jurnal pendidikan ,Maktab Perguruan Teruntum, 1:18.
- Oli Mohamed . (1981) .”*The school library in the education process*”. Jurnal perpustakaan Malaysia, 9:7-71.
- Profil membaca rakyat Malaysia 1997 . (1998) . Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.

- Rabiah Halidi .(1988) . “*Sikap dan penggunaan terhadap pusat sumber perpustakaan sekolah (PSPS) di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat.Kajian kes di Sekolah Menengah Seri Ampangan Seremban*”.Latihan ilmiah,Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi.
- Rabiah Jawa .(1999) .”*Penggunaan bahan-bahan di pusat sumber perpustakaan sekolah (PSPS) dan hubungannya dengan pengajaran dan pembelajaran membaca dari sudut pandangan pelajar-pelajar tahun 5 dan 6 di Sekolah Kebangsaan Durian Tipas,Simpang Durian,Negeri Sembilan*”.Latihan ilmiah,university Kebangsaan Malaysia ,Bangi.
- Rahim Selamat . (1990) .”*Peranan perpustakaan dalam usaha menggalakkan pembacaan* .Kuala Lumpur:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Redzuan Mohd Hussin . (1989) .’*pentadbiran dan pengurusan pusat sumber sekolah*”.wawasan ,4 (4) 5-13.
- Redzuan Mohd.Hussin dan Wong Choong Yew . (1992). .:’*Pembangunan dan perkembangan pusat sumber* .Perspektif piawaian”.Jurnal wawasan ,7(3),4-15.
- Rokiah Ismail dan Kamaruddin Abu Hasan . (1999) .”Bahan pelbagai media dalam pengajaran dan pembelajaran “.Dibentangkan dalam Persidangan Pusat Sumber Sekolah 1999. Pulau Pinang.
- Rosna Taib .(1980) .”*Garis panduan memilih perabot perpustakaan* “.Majalah Perpustakaan Malaysia 13:1-24.
- Samsiah Mustaffa .(1991) .”*Penggunaan pusat sumber sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran*”:Satu tinjauan .Latihan ilmiah,Universiti Malaya ,Kuala Lumpur.
- Sharifah Alwiah alsagoff .(1988). *Teknologi pengajaran* .Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Soo Choi Har .(1990) . “*Satu tinjauan mengenai persepsi pelajar terhadap penggunaan pusat sumber perpustakaan sekolah dalam mata pelajaran Pengajian Am*”. Latihan ilmiah,Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi.
- Suydam, M. and N. Weaver . (1977). “*Research on problem solving : Implications for elementary school classrooms* “. The Arithmetic Teacher, 25 : 40 – 42.
- Tan Poh Choon . (2006) . “*Meningkatkan kepenggunaan Pusat Sumber Sekolah melalui perancangan strategik PSS 2006* “. Kajian ilmiah SMK Pantai Remis ,Perak.
- Tapscott,D. (2003) .*Educating the net generation*.Boston :Pearson Aducation.
- Teuku Iskandar (1986). *Kamus Dewan*.Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuckman,B. W. (1972). *Conducting educational research*.New York:Harcourt Brace Jovanovich.
- Velasini Perumbularil .(1984). “ *The role of services for children and young adult in developing countries in relation to education fofmal and informal (Singapore) from library work for children and young adults in developing countries* :New York : IFLA Publication.
- Wan Lis Ozman Wan Omar. (2000). *Gagasan alaf baru.Mencetus kebangkitan Malaysia*.Batu Caves :Thinker’s Library Sdn Bhd.
- Wan Illias wan Salleh . (1988).”*Satu kajian kes mengenai kesan pendedahan terhadap perolehan maklumat dari perputakaan* “.Latihan ilmiah,Universiti Malaya,Kuala Lumpur.
- Warschauer, M . (1999). *Electronic Literacies.Language,Culture and Power in Online Education*.New Jersey :Lawrence Erlbaum Associates Publishers
- Wong Fong Kin .(1989) . “*Pengaruh Penggunaan perpustakaan sekolah terhadap pencapaian : satu kajian 2 buah sekolah di Bandar Seremban* “.Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia ,Bangi.

- Wong kim Siong , (1983). "*Perpustakaan sekolah luar bandar di negeri Perak :Satu tinjauan umum* ". Seminar mendekati masyarakat luar Bandar melalui perpustakaan .Kuala lumpur.
- Wates , D . (1994) .*New technology and the image of the school library media center*. School Library Media Quarterly .
- Yusop Hashim. (2001). *Reka bentuk dan sistem instruksi*. Kuala Lumpur :Utusan Publications Sdn Bhd.
- Yusop Hashim . (1992) ."Penggunaan teknologi dalam inovasi pendidikan ,Junal Pendidik dan Pendidikan Jilid 13 ,1994/95 ,Pulau Pinang : Pusat Pengajar Ilmu Pendidikan USM.